

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 5 JANUARI 2023  
AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA  
MUKA SURAT : 35

### Bursa Malaysia, DOSM jalin kerjasama



MOHD. UZIR MAHIDIN (dua kiri) dan Muhamad Umar Swift bertukar dokumen kerjasama disaksikan oleh Abdul Wahid Omar (kanan) dan Timbalan Ketua Perangkawalan, Datin Seri Rozita Talha di Kuala Lumpur semalam.

## Bursa Malaysia, DOSM jalin kerjasama

Oleh SHAFIQAH SHUKOR  
ekonomi@utusan@mediamulia.com.my

**PETALING JAYA:** Bursa Malaysia Berhad menandatangani memorandum persefahaman bersama Jabatan Statistik Malaysia (DOSM) untuk memberi akses kepada dua-dua pihak berkongsi data makroekonomi.

DOSM dan Bursa Malaysia akan berkerjasama data demografi, statistik makroekonomi dan laporan untuk mengenal pasti trend penting dan pemahaman untuk membangunkan modal pasaran.

DOSM turut memperoleh akses kepada pangkalan data berhubung syarikat yang tersenarai di Bursa Malaysia, termasuk statistik dagangan.

Di bawah perjanjian, DOSM dan Bursa Malaysia berpeluang menjalankan eksplorasi di dalam bidang yang mempunyai kepentingan bersama ke arah pembangunan modal pasaran.

Perjanjian tersebut telah ditandatangani oleh Ketua Pegawai Eksekutif Bursa Malaysia, Datuk Muhammad Umar Swift dan Ketua Perangkawalan, Datuk Seri Dr. Mohd. Uzir Mahidin.

Pengerusi Bursa Malaysia, Tan Sri Abdul Wahid Omar berkata, memorandum perse-

fahaman (MoU) yang dimeterai itu akan membolehkan DOSM dan Bursa Malaysia memperoleh pemahaman yang lebih mendalam tentang keselarian yang wujud antara pelbagai data mikro dan makro ekonomi serta data dalam pasaran modal domestik negara.

"Data-data itu seterusnya digunakan bagi membantu syarikat tersenarai awam untuk membangunkan strategi perniagaan yang bermakna dan inovatif, sekali gus membolehkan pasaran modal domestik mencapai potensi perkembangan.

"Selain itu, kerjasama ini juga akan menggalakkan ketelusan dan kebertanggungjawabanan data dalam kalangan agensi kerajaan, sekali gus memastikan integriti data kami terus terpelihara."

"Menerusi MoU itu juga kami akan memanfaatkan set data kami untuk membina ekosistem data holistik dan inklusif yang boleh menyokong pelan pembangunan sosio-ekonomi Malaysia, di samping memudahkan peralihan ke arah pelbagai sumber data dan maklumat yang dapat menyediakan kemas kini dan analisis pantas," katanya dalam ucapan pada majlis permetaraan perjanjian tersebut, semalam.

Ujarnya, kerjasama itu merangkumi perkongsian data berkualiti tinggi kepada khalayak ramai, serta berperanan menyumbang kepada pendidikan pelabur yang akan membolehkan pelabur runcit terutamanya membuat keputusan pelaburan yang lebih termaklum dan bermakna.

Sementara itu, Mohd. Uzir berkata, data Bursa Malaysia amat penting kerana ia digunakan sebagai input kepada penyusunan penunjuk ekonomi Malaysia melalui Indeks Pelopor (IP) yang memberikan unjuran arah pergerakan ekonomi dalam tempoh purata empat hingga enam bulan ke hadapan.

Tambah Mohd. Uzir, indeks itu digunakan secara meluas oleh para penyelidik ekonomi dalam jangkaan ekonomi akan datang.

Dengan perkongsian itu katernya, DOSM akan mempunyai pangkalan data lebih sistematis dan cara perkongsian data yang lebih baik.

"DOSM akan membekalkan maklumat berkaitan perakaunan negara, penunjuk ekonomi, inflasi, perdagangan, imbangian pembayaran, buruh, pendapatan dan perbelanjaan isi rumah, alam sekitar dan sosial," katanya.